

Malaysia, Kyrgyz meterai 10 dokumen kerjasama strategik

BERITA HARIAN 26 JUN 2025 m/d: 3

Usaha perluas peluang teroka pelaburan, tukar kepakaran antara 2 negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Kyrgyz memperkukuhkan hubungan dua hala dalam bidang pelancongan, pendidikan tinggi, kesihatan, transformasi digital, keselamatan siber serta kerjasama dalam perdagangan dan pembangunan eksport.

Kedua-dua negara memeterai 10 dokumen kerjasama termasuk memorandum persefahaman (MoU) merangkumi bidang itu sempena lawatan Presiden Kyrgyzstan, Sadyr Zhaparov ke Malaysia semalam.

Semua MoU berkenaan dimeeterai dalam satu majlis rasmi dan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Zhaparov.

Kerjasama menyeluruh ini dijangka membuka ruang lebih luas kepada peluang pelaburan, pertukaran kepakaran serta peningkatan perdagangan dua hala sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik utama di rantau Asia Tengah.

Pada sidang media bersama Zhaparov di Kompleks Seri Perdana, Anwar berkata, Malaysia bersedia menawarkan kepakarannya dalam sektor perbankan



Anwar bersama Zhaparov melawat kediaman tradisional Kyrgyz Boz Ui yang dipamerkan di Kompleks Perbadanan Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (tiga dari kiri); Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud (dua dari kiri).

(Foto BERNAMA)

Islam dan industri halal kepada Kyrgyz bagi membantu membangunkan kemudahan serta perkhidmatan yang lebih menyeluruh.

Beliau berkata, perbincangan dengan Zhaparov, mereka turut menjurus kepada penubuhan bank Islam bagi mewujudkan sistem kewangan yang lebih baik.

“Sudah tentu kita bincangkan soal perbankan Islam, halal, pembinaan, kewangan dan program termasuk cadangan penubuhan bank Islam.

“Akan ada mesyuarat susulan antara menteri kita. Anda (Zha-

parov) membawa menteri utama ke Malaysia dan rakan menteri saya akan memberi maklum balas,” katanya.

Kukuh perkongsian pintar

Anwar berkata, kerjasama strategik itu penting bukan sahaja bagi memperkukuh persefahaman dan persahabatan, malah memastikan program dan projek dua hala dalam bidang perdagangan serta pelaburan dapat diteruskan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Kyrgyz turut bersetuju untuk me-

neroka Pelan Tindakan Kerjasama Halal yang dicadangkan oleh Zhaparov.

“Perkara ini akan diteroka dengan lebih mendalam dan sudah tentu anda (Kyrgyz) mempunyai keupayaan besar dalam tenaga hidro, tenaga hijau serta tenaga boleh diperbaharui yang sangat menarik minat Malaysia untuk difahami, dikaji dan dimanfaatkan,” katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan Malaysia dan Kyrgyz bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan dengan pene-

kan kepada usaha memperkukuh hubungan antara rakyat serta memperluas potensi sosial dan ekonomi kedua-dua negara.

Sehubungan itu, Anwar berkata, Malaysia akan menyalurkan bantuan teknikal dan pendidikan kepada rakyat Kyrgyz melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

“Institusi kami sudah tentu bersedia untuk membantu mengenal pasti individu yang boleh dilatih dan kami amat menghargai sekiranya dapat melaksanakan program pertukaran bersama anda,” katanya.